



Anwar bersama jemaah mendengar tausiah Subuh pada Majlis Qiamullail Perdana di Masjid Putra, semalam.

PM sertai Qiyamullail Perdana

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim awal pagi semalam, menyertai kira-kira 2,000 jemaah menjayakan Majlis Qiyamullail Perdana anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sempena 10 malam terakhir Ramadan di Masjid Putra, di sini.

Yang turut serta, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki

Ali dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hakimah Mohd Yusoff.

Majlis qiamullail berjemaah mulai 4.40 pagi itu dimulakan dengan solat sunat tahajud, solat sunat taubat dan solat hajat yang dipimpin oleh imam jempunan, Hanif Azmir Hassim, sebelum disusuli dengan sahur.

Perdana Menteri kemudian menyertai solat Subuh berjemaah yang diimamkan imam

jempunan, Ahmad Fairuz Nazruddin dan tausiyah Subuh yang disampaikan Pengarah Bahagian Pasar dan Strategik Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional, Mohd Gunawan Che Ab Aziz.

Majlis seumpama itu juga diadakan bagi mengimarahkan masjid serta mendorong umat Islam untuk terus beristiqamah melakukan ibadah qiamullail demi pembinaan diri dan pembersihan jiwa.